



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 2 TAHUN 2012
KENAIKAN KADAR BANTUAN SARA HIDUP

1. TUJUAN

Pekeliling Ketua Pengarah ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan untuk memberi kenaikan kadar Bantuan Sara Hidup (*Cost of Living Assistance- COLA*) kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

2. LATAR BELAKANG

Kerajaan telah memperuntukkan pemberian Bantuan Sara Hidup melalui Pekeliling Perkhidmatan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2007. Kenaikan kadar Bantuan Sara Hidup adalah bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan Pegawai Perkhidmatan Awam.

3. KEPUTUSAN

Adalah diputuskan bahawa Lembaga Pertubuhan Peladang menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 2012 mengenai Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup yang berkuatkuasa mulai 1 April 2012 dan telah dikeluarkan pada 30 Mac 2012.

4. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuat kuasa mulai 1 April 2012.

5. **PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2007 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

(DATO' ARPAN SHAH BIN SATU)
Ketua Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang.

Ogos 2012

Edaran kepada:

- Semua Timbalan Ketua Pengarah
- Semua Pengarah Bahagian
- Semua Pengarah LPP Negeri
- Pengurus Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang-Undang
- Setiausaha Kesatuan